

21/07/1998

Warga kota impikan pemulihan bekalan air

Khalid Yasin

SUDAH lebih empat bulan warga kota mengharungi catuan bekalan air yang disebabkan takungan air di tiga empangan utama di Lembah Klang merosot berikutan cuaca kering berpanjangan ekoran kesan El-Nino.

Mengimbas kembali, catuan bekalan air peringkat pertama bermula pada 2 Mac lalu membabitkan daerah Gombak, daerah Hulu Langat, Kuala Lumpur dan Petaling yang menerima bekalan dari loji Sungai Langat, Loji Cheras dan Ampang Intake.

Pengagihan bekalan air dijadualkan semula pada 27 Mac lalu berikutan keadaan bekalan bertambah gawat dengan Lembah Klang dibahagikan kepada dua zon, iaitu A dan B membabitkan 257 kawasan. Zon A merangkumi Kuala Lumpur dan Petaling manakala Zon B mencakupi daerah Gombak dan Hulu Langat.

Apabila kegawatan air tidak nampak kesudahannya, Catuan peringkat kedua bermula pada 20 April membabitkan 1.2 juta penduduk di Petaling, Kuala Lumpur, Gombak, Kuala Langat, Sepang, Shah Alam dan Klang yang menerima bekalan air dari loji Semenyih.

Banyak pengalaman pahit dan manis yang dialami warga kota dalam mengharungi krisis air yang paling buruk dalam sejarah hidup mereka. Kalau dulu, gali perigi boleh dapat mata air, tetapi kini usaha sedemikian sia-sia saja. Malah di kampung pun kini belum tentu boleh dapat air bila gali perigi.

Pada satu ketika ada warga kota yang balik ke kampung setiap hujung minggu untuk membasuh pakaian.

Untuk mengambil bekalan air bukan saja kena tunggu lama, malah terpaksa beratur dan kadang-kala berebut sehingga ada dilaporkan berlaku perselisihan faham di kalangan jiran.

Bagi yang tinggal di flet, apartmen atau pangsapuri terutama yang tiada lif, ambil air hanyalah sekadar untuk keperluan mendesak saja. Apabila mandi hendaklah berjimat, malah ada yang terpaksa mandi di pejabat dan masjid.

Di peringkat awal dulu, Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor dihujani panggilan telefon daripada warga kota yang kehausan air, tetapi kini tugas itu diambil alih oleh Perkhidmatan Pelanggan (Puspel) bagi menangani aduan orang ramai mengenai masalah air yang beroperasi 17 Jun lalu.

Puspel yang diurus Syarikat Bersekutu Puncak Niaga (Syabas) menangani aduan pengguna di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya, Gombak dan Hulu Langat. Pengguna boleh mengemukakan masalah mengenai ketiadaan air, tekanan rendah, paip bocor, pecah, kecurian air dan sambungan haram dengan menghubungi talian bebas tol yang percuma iaitu 1 800 88 1010.

Ketika kegawatan air semakin meruncing, warga kota berebut membeli tong air dan bekas air, malah ada yang beli tangki statik untuk menyimpan air. Yang kita sedih dan kesal ialah ada peniaga yang tidak bertimbang rasa menaikkan harga tong dan bekas air plastik semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Sejak beberapa hari lalu, paras air di Empangan Langat dan Semenyih sudah hampir kepada paras kritikal dan penghantaran air dengan lori tangki ditingkatkan ke tahap maksimum.

Di sebalik jerih-perih warga kota mengangkat air dari lori tangki ke rumah, kita mengakui kerajaan negeri, JBA Selangor dan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) bertungkus-lumus cuba berikhtiar meringankan beban warga kota dan mengatasi masalah ini.

Sehingga ini, kerajaan Selangor dilaporkan sudah membelanjakan RM20.6 juta untuk menyewa 336 lori tangki, membeli 492 tangki statik, 10 loji mudah alih 'ultra source' dengan keupayaan menghasilkan 2.7 juta liter air sehari dan untuk peralatan menggerudi air bawah tanah dalam usaha menangani masalah bekalan air itu kepada pengguna.

Kerajaan Persekutuan pula menubuhkan Majlis Sumber Air Negara (MSAN) untuk merumuskan strategi jangka panjang bagi memastikan negara tidak lagi menghadapi krisis bekalan air seperti yang berlaku sekarang.

Pada mesyuarat pertama MSAN 30 Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memberi taklimat mengenai projek menyalurkan air dari Telemong, Pahang ke Sungai Gombak.

Terowong sepanjang 37 kilometer akan dibina membabitkan perbelanjaan RM1 bilion dan dijangka mengambil masa tiga tahun untuk selesai jika rancangan ini menerima kelulusan Kabinet.

MSAN juga akan bertindak sebagai orang tengah bagi menguruskan proses pengagihan serta penghantaran air di antara kerajaan negeri.

Persoalan yang berlegar dalam minda warga kota kini ialah bila bekalan air melalui paip akan pulih. Sebelum ini krisis air dijangka selesai pertengahan Julai jika musim hujan lebih, tetapi nampaknya jangkaan ini meleset.

Tindakan menarik balik catuan bekalan air membabit dua juta pengguna di beberapa kawasan di negeri ini termasuk Lembah Klang masih bergantung kepada taburan hujan di kawasan tadahan walaupun Projek Skim Pembekalan Air Sungai Selangor Fasa II peringkat pertama menyalurkan bekalan air sebanyak 100 juta liter sehari, mulai Jumaat lalu.

Pada masa yang sama, bekalan air tambahan dari loji memproses air di Wangsa Maju juga mampu membekalkan kira-kira 45 juta liter air sehari.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar, berkata kerajaan negeri berharap rakyat memahami masalah yang berlaku berikutan ketiadaan hujan pada masa ini.

Mungkinkah kegawatan air dijangka berakhir pada Oktober seperti yang pernah diumumkan apabila projek pembersihan air fasa kedua peringkat pertama di Sungai Selangor yang mampu menyediakan 475 juta liter air sehari siap.

Bagaimanapun, menurut Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, masalah bekalan air di Lembah Klang akan selesai sepenuhnya tahun depan berikutan persetujuan kerajaan Selangor memeterai perjanjian dengan Puncak Niaga untuk membekalkan tambahan 1,003 juta liter air.

Catuan air ke beberapa kawasan di Lembah Klang akan dimansuhkan secara berperingkat apabila bekalan air pulih selewat-lewatnya 31 Disember tahun depan. Kita berharap jangkaan ini menjadi kenyataan dan pengurusan air akan bertambah cekap supaya warga kota tidak lagi menghadapi kegawatan air yang meruncing.

(END)